

BH 27/9/19
M/S 24

Badan penyelaras jadikan TVET lebih berdaya saing

Putrajaya: Penubuhan Badan Penyelaras Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negara dilihat mampu menyatukan TVET di bawah satu bumbung dengan menjadi sistem tunggal yang lebih berdaya saing.

Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik, berkata penubuhan badan induk terbabit akan memberi tumpuan kepada kecukupan Model Pembiayaan, Model Pemilikan Bersama, dan pemeraksanaan Persijilan TVET (Industri) serta bergerak dengan Jenama TVET Kebangsaan Tunggal.

“Usaha ini berkeupayaan menyelesaikan semua masalah berkaitan TVET seperti masalah akreditasi, kekurangan fasiliti dan kelompongan sistem. Namun apa yang dapat dipastikan, sebahagian besarnya kita sudah tangani.

“Bagaimanapun, apa yang kita perlukan sekarang ialah perubahan pemikiran dan persepsi cara bekerja. Kita perlu babitkan lebih banyak industri untuk memperkuat program dwi latihan dan seterusnya bergerak dari penyer-taan industri kepada kerjasama industri sebelum menuju kepada industri-led TVET,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Kempen TVET Kebangsaan di sini hari ini.

Maszlee berkata pihaknya juga meletakkan tujuh strategi yang akan diguna untuk menjayakan sasaran TVET negara.

Sementara itu, mengulas mengenai majlis yang dianjurkan, Maszlee berkata, Jawatankuasa Kabinet Pemeraksanaan TVET melancarkan Kempen TVET Kebangsaan yang membabitkan pelancaran logo dan slogan, pencarian TVET Influencer dan Anugerah TVET Valued Industry Partners (VIP).